



POLITIK PENGUASAAN DUNIA & Isu yang Selainnya

Chandra Muzaffar

**A₁²
C₃β** **ARAH
PUBLICATIONS**

**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATSIAN
KEPIMPINAN
PERDANA**





POLITIK PENGUASAAN DUNIA & Isu yang Selainnya

Chandra Muzaffar

PUSTAKA PERDANA



1012132



**ARAH
PUBLICATIONS**



ARAH PENDIDIKAN SDN BHD (618680-H)

Level 3A, Block B, Peremba Square,

Saujana Resort, Section U2,

40150 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

Tel: (603) 76529888

Fax: (603) 76229810

Email: enquiry@arahpendidikan.com.my

© Arah Pendidikan Sdn. Bhd. 2007

Arah Publications ialah imprints Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Hakcipta terpelihara. Setiap bahan daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik atau mekanikal, termasuk salinanfoto, salinimbas, rakaman digital, foto, simpanan cakera keras, simpanan cakera padat, rakaman audio-visual dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta ini terlebih dahulu.

Pertama kali diterbitkan 2007

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Chandra Muzaffar, 1947-

Politik Penguasaan Dunia & Isu yang Selainnya/Chandra Muzaffar,

ISBN 978-983-3718-31-3

1. Propaganda, International. 2. World politics. 1. Judul.

158.1

**Politik Penguasaan Dunia
& Isu yang Selainnya**

ISBN : 978-983-3718-31-3

Teks diset dalam 10.5 pt Palatino

Dicetak oleh Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd.

Balakong, Selangor Darul Ehsan

Foto Dr Chandra Muzaffar oleh Vinod Nair untuk Off-the-Edge 2007.

• • • • •



ANANA
FOUNDATION
KARYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

*Untuk semua pejuang keadilan,
yang secara aman dan damai
menentang politik penguasaan dunia.*





Kandungan

Kata Pengantar vii
Penghargaan ix

BAHAGIAN PERTAMA (WAWANCARA)

1. Krisis Hamas dan Iran. 3
2. Seruan damai untuk 2005 – Usaha membetulkan kepincangan politik dunia mesti diteruskan. 15
3. “Terima kasih kepada Bush”. Keangkuhan Presiden AS bangkitkan kesedaran politik dunia. 29
4. Empayar global pertama. 41
5. Polemik pertembungan tamadun – Kemarahan, ketidakadilan mewarnai hubungan Islam-Barat. 55
6. Kembali memahami sejarah. 71
7. Politik kita harus berubah. 85

BAHAGIAN KEDUA (ARTIKEL)

8. Memahami Empayar Amerika. 101
9. Terorisme dan penguasaan dunia. 121
10. Cabaran terorisme di Indonesia. 125
11. Peranan NGO Islam mewujudkan kerjasama dengan pencinta keamanan di seluruh dunia bagi mempertahankan umat manusia daripada pencerobohan. 131

12. Beban sejarah jauhkan tamadun Eropah daripada Islam.143
13. Membina keharmonian agama.149
14. Agama, ulama dan perubahan155
i. Agama, dominasi dan perubahan157
ii. PUM Jawab Chandra Muzaffar169
iii. Ulama hendak kekalkan kuasa175

Kata Pengantar

Buku dalam bahasa Malaysia yang membincangkan persoalan-persoalan antarabangsa masih kekurangan. Hal ini merugikan masyarakat kita terutamanya dalam situasi yang mana persekitaran global membawa dampak yang meluas dan mendalam terhadap kehidupan harian setiap insan di atas bumi ini. Buku ini merupakan suatu usaha yang kecil untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan bacaan tentang persoalan antarabangsa dalam pasaran tempatan.

Antara persoalan antarabangsa yang penting dewasa ini ialah percubaan segelintir elit yang diketuai oleh kepimpinan politik Amerika Syarikat untuk menguasai dunia. Faktor-faktor yang menyebabkan politik penguasaan dunia ini, sifat politik penguasaan dunia, kesan-kesan daripada penguasaan ini, pendorong-pendorong politik penguasaan dan penentangan terhadap penguasaan politik elit Washington dan sekutu-sekutunya adalah antara isi kandungan buku ini. Isu-isu lain juga dibincangkan termasuk hubungan antara peradaban, khususnya, Barat dengan Islam, cabaran terorisme serta peranan NGO Islam dalam pergerakan keamanan dunia. Beberapa bab memberi perhatian istimewa kepada isu-isu domestik yang berhubung kait, secara tidak langsung dengan politik antarabangsa seperti isu keharmonian agama dan hubungan ulama dengan masyarakat di negara kita.

Untuk menyampaikan idea-idea tersebut dengan berkesan, buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian Pertama mengandungi wawancara-wawancara saya dengan akhbar tempatan yang terkenal, *Mingguan Malaysia*, yang bermula pada pertengahan bulan Oktober 2001 sehingga hujung bulan April 2006. Wawancara-wawancara ini disusun mengikut cara tertentu. Bab Satu hingga Bab Lima tertumpu kepada isu antarabangsa; Bab Enam dan Bab Tujuh tertumpu kepada Malaysia. Wawancara bermula dengan yang 'terkini' dan diakhiri dengan wawancara yang 'terlama' bagi kedua-dua isu antarabangsa mahupun domestik. Bahagian Kedua terdiri daripada artikel yang ditulis antara penghujung Disember 2001 dan Januari 2006. Susunan lapis Bahagian Kedua sama dengan wawancara dalam Bahagian Pertama. Beberapa artikel ialah terjemahan daripada bahasa Inggeris.

Oleh sebab persoalan-persoalan yang dibincangkan dalam koleksi wawancara dan artikel ini amat penting untuk masa depan umat manusia, saya berharap para pembaca akan memberi maklum balas mereka. Maklum balas pembaca akan membantu saya memahami dengan lebih mendalam cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh umat manusia pada kurun ke-21.

Chandra Muzaffar

Mei 2007

Penghargaan

Saya bersyukur kerana buku **POLITIK PENGUASAAN DUNIA & ISU YANG SELAINNYA** dapat diterbitkan. Penerbitan buku ini tidak mungkin terhasil tanpa usaha penyelenggaraan bahan-bahan yang telah dibantu oleh semua pihak yang terlibat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi terima kasih kepada Noor Azam Shairi dari *Utusan Malaysia* yang telah mengendalikan beberapa wawancara mengenai isu berkenaan politik dunia. Walaupun sudah begitu banyak saya memperkatakan mengenainya, namun kebanyakan penulisan saya adalah dalam bahasa Inggeris. Usaha Noor Azam telah membantu menghasilkan penulisan ini dalam bahasa Malaysia. Ramli Abdul Karim dan Baharom Mahusin juga dari *Utusan Malaysia* telah turut mewawancara saya, dan saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih terhadap usaha kedua-dua mereka.

Banyak bantuan saya peroleh daripada kakitangan di pejabat JUST sendiri. Kepada Jeyalakshmi setiausaha saya yang telah membantu dalam penyusunan dan kerja-kerja penaipan, semua kakitangan JUST yang telah sedikit sebanyak membantu dalam menghasilkan buku ini, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada setiap seorang dari-

pada mereka. Terima kasih juga kepada siswazah pelatih dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Cik Hazizah Ali yang berkhidmat dengan JUST selama dua bulan, pada Mei dan Jun 2006, yang telah menyemak manuskrip ini dan mengemukakan beberapa cadangan yang membina.

Walau apa-apa pun pertolongan dan bantuan telah saya peroleh, segala kesilapan dan kelemahan dalam buku ini adalah tanggungjawab saya sendiri.

Chandra Muzaffar

BAHAGIAN PERTAMA

Wawancara





Bab 1

Krisis Hamas dan Iran

Ada persamaan antara tekanan yang dihadapi oleh Iran dan Hamas ini," kata Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST), Dr. Chandra Muzaffar.

Ahli sains politik ini adalah antara orang yang kuat menentang perang dan menyebarkan kesedaran mengenai keamanan, dan paling utama, mengingatkan masyarakat tentang agenda Amerika Syarikat mahu membentuk empayar menguasai dunia. Dalam satu temu bual bersama Noor Azam Shairi di pejabatnya petang Khamis lalu, Dr. Chandra menjelaskan perkembangan dan kemungkinan yang boleh berlaku dalam kedua-dua krisis ini.

Ketika ditanya kenapa kedua-dua krisis ini perlu kita fahami, Chandra menjawab: "Sekiranya Hamas dijatuhkan, sudah tentu intifada ketiga akan berlaku. Sekiranya Iran diserang, serangan ini akan memberikan kesan kepada politik dan ekonomi dunia."

Beliau melihat sekiranya Amerika Syarikat melancarkan perang ke atas Iran, para penyokong republik itu akan bertindak balas dengan menyerang semua kepentingan empayar itu di serata dunia.

"Hal ini mempunyai kesan kepada kita secara langsung kerana krisis ini mempengaruhi harga minyak dunia," katanya.

MINGGUAN: Bagaimanakah Dr. melihat tekanan yang dikenakan ke atas Hamas dan Iran?

DR. CHANDRA: Ada beberapa persamaan antara Hamas dengan Iran. Kedua-duanya mahu menegakkan hak mereka yang sah di sisi undang-undang tetapi mereka ditekan.

Hamas menang pilihan raya yang diiktiraf bebas dan adil oleh masyarakat antarabangsa dan mendirikan Pihak Berkuasa Palestin. Akan tetapi selepas itu Hamas dianggap sebagai satu ancaman dan cuba dijatuhkan khususnya oleh Israel yang kini dipimpin oleh Ehud Olmert.

Kerajaan Amerika Syarikat serta beberapa negara di Eropah termasuk Perancis dan Jerman juga terlibat dalam komplot menafikan hak Hamas untuk memerintah, tidak mahu menerima kedudukannya sebagai pihak berkuasa di Palestin.

Inilah juga pihak yang menentang hak Iran untuk memiliki tenaga nuklear. Sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, Iran menegakkan haknya untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang nuklear yang mahu digunakan untuk tujuan keamanan. Ini hak yang ada pada semua negara yang berdaulat dan diterima oleh masyarakat dunia, tetapi dalam hal Iran, hak ini tidak dibenarkan.

Hal ini bermakna Hamas dan Iran hanya mahu menegakkan hak yang ada pada mereka tetapi hak-hak itu sekarang ini mahu dinafikan. Dalam kedua-dua isu ini Israellah yang menjadi ketua penentangannya.

MINGGUAN: Kita akan membincangkan isu-isu ini satu persatu. Kenapakah penentangan yang begitu besar kepada Hamas?

DR. CHANDRA: Israel menentang Hamas kerana Israel menganggap parti itu menggunakan pendekatan ganas yang dikatakan terlibat dalam beberapa kes serangan berani mati. Hal ini ada kena-mengena dengan piagam Hamas yang tidak mengiktiraf kewujudan Israel dan mahu menghancurkan Israel.

AS pula berpegang kepada pendirian yang sama kerana pengaruh golongan Zionis yang luas dalam pelbagai bidang di

negara itu. Pengaruh itu juga kuat di Eropah. Orang mungkin tidak sedar bahawa Menteri Luar Britain, Jack Straw serta beberapa orang pemimpin Jerman dan Perancis itu Zionis.

Bagi mereka, melindungi dan menyelamatkan Israel itu begitu penting. Bagi mereka, bangsa (Yahudi) yang menjadi mangsa kepada ketidakadilan dan penderitaan dalam sejarah. Mereka seperti mahu menebus dosa Holocaust lebih 60 tahun lalu walaupun dengan darah orang lain yang kehilangan tanah air, diusir dari kampung halaman, dibunuh dan diseksa. Mereka percaya sekiranya ada kumpulan Arab khususnya Palestin yang cuba menghapuskan Israel, orang Yahudi sekali lagi akan menjadi mangsa.

Itu sebabnya AS dan Eropah bersama-sama dengan Israel tidak mengiktiraf Hamas.

MINGGUAN: Apakah yang mereka lakukan?

DR. CHANDRA: Mereka menghentikan semua bentuk bantuan kepada Pihak Berkuasa Palestin. Israel membekukan pendapatan wang Palestin, iaitu lebih kurang AS\$55 juta yang dikutip daripada cukai dan eksais. Ini wang Palestin yang dipegang dan diuruskan oleh Israel selepas perjanjian damai di Oslo 1993. Wang itu sepatutnya diserahkan kepada Pihak Berkuasa Palestin tetapi mereka membekukannya sekarang. Bank-bank Israel yang digunakan untuk menyalurkan bantuan kewangan daripada orang awam kepada rakyat Palestin juga telah dibekukan.

Diaspora Palestin yang begitu besar, berjuta-juta orang yang bermastautin di serata dunia, yang selalu menghulurkan bantuan kewangan kepada ahli keluarga mereka di Palestin sekarang tidak lagi dapat berbuat demikian. Israel juga menyekat kemasukan barang-barang di pintu masuk Karni. Tentera lautnya juga menyekat nelayan di Gaza daripada turun ke laut.

Akan tetapi hal yang lebih dahsyat ialah tindakan ketenteraan yang diambil oleh Israel, dan hal ini tidak dihebohkan di media. Yang dilaporkan oleh media antarabangsa sebaliknya ialah serangan bom oleh kumpulan Islamic Jihad pada 17 April lalu. Yang tidak dilaporkan ialah lebih daripada 20 orang rakyat

Palestin dibunuh oleh tentera Israel dalam operasi harian di Gaza dan Tebing Barat dalam tempoh tiga minggu ini termasuk tiga orang kanak-kanak. Operasi ini berlaku setiap hari.

MINGGUAN: Apakah mereka berjaya menekan Hamas?

DR. CHANDRA: Mereka cuba mewujudkan satu keadaan yang akan menyebabkan Hamas bertindak balas. Kalau keadaan itu berlaku, mereka akan menggunakannya sebagai alasan bahawa Hamas sudah mengganas. Akan tetapi sebagaimana kita sedia maklum mereka mengawal diri dan berpegang kepada gencatan senjatanya sejak 14 bulan yang lalu.

Dalam pada itu, hampir 70 peratus daripada penduduk Palestin di Tebing Barat dan Gaza menganggur manakala 67 peratus daripada keluarganya pula hidup di bawah paras kemiskinan, iaitu pendapatan kurang daripada AS\$1 sehari. Mereka sudah cukup menderita, dan penderitaan itu jadi bertambah buruk akibat tindakan-tindakan Israel, AS dan EU itu.

Sungguhpun begitu, Iran dan Qatar sudah menghulurkan sedikit bantuan manakala Arab Saudi, Syria dan Rusia juga berjanji untuk memberi bantuan. Ada juga kumpulan warga di dunia Arab dan negara Islam yang lain termasuk Malaysia yang cuba mengaturkan strategi untuk membantu atas dasar perikemanusiaan.

MINGGUAN: Pihak Berkuasa Palestin tidak mempunyai duit. Apabila mereka berkuasa, Hamas mewarisi hutang sebanyak AS\$700 juta. Mereka sekarang berhadapan dengan pengasingan politik dan ekonomi. Bolehkah mereka bertahan?

DR. CHANDRA: Memang ada tekanan dari luar tetapi Hamas juga berhadapan dengan tekanan dari dalam, iaitu peranan yang dimainkan oleh sebahagian besar pemimpin Al-Fatah untuk menggagalkan Hamas. Mereka mengepung bangunan yang diduduki oleh Hamas dan cuba mencetuskan perang saudara tetapi Hamas terus mengawal diri, tidak mahu terperangkap. Saya tidak fikir Presiden Mahmoud Abbas terlibat tetapi ada pihak lain.

Saya percaya Hamas boleh mengekalkan kedudukannya kerana mereka begitu popular dalam kalangan rakyat Palestin. Tidak ada pihak yang boleh mencabar popularitinya. Ini bukan populariti individu tertentu tetapi Hamas sebagai gerakan. Hamas popular kerana program kebajikannya yang dimulakan sejak dekad 1980-an, membantu mangsa-mangsa kekejaman Israel. Mereka membantu semua orang dengan ikhlas dan tidak memilih bulu, termasuk golongan Kristian yang hanya lima peratus daripada penduduk Palestin.

Selain itu, iltizam para pemimpinnya yang tinggi kepada perjuangan – sesuatu yang tidak ada dalam kalangan para pemimpin Al-Fatah. Mereka sedia sama-sama bersusah payah dengan rakyat, sanggup mengorbankan kemewahan untuk perjuangan. Saya percaya atas faktor-faktor ini mereka boleh kekal.

MINGGUAN: Apakah yang boleh dilakukan oleh Hamas untuk berhadapan dengan tekanan ini?

DR. CHANDRA: Hamas harus terus mengekalkan kematangannya dalam menghadapi krisis ini. Mereka mahu menyatukan kumpulan-kumpulan militia yang bebas daripada tentera dan pasukan keselamatan Pihak Berkuasa Palestin untuk membentuk satu pasukan keselamatan yang boleh melindungi rakyat Palestin di Tebing Barat dan Gaza.

Sekiranya hal ini dapat dilakukan, saya berharap mereka tidak akan menggunakan jalan keganasan dan meneruskan gencatan senjatanya. Secara tidak langsung mereka tidak lagi akan berpegang kepada kekerasan sebagai kaedah perjuangan. Mereka harus mencari taktik yang lebih mirip kepada kaedah aman untuk menggembleng kekuatan rakyat Palestin menentang Israel. Penentangan mereka harus berterusan tetapi mungkin melalui cara yang lain.

Usaha itu sangat penting kerana mereka menuntut hak yang tidak boleh dinafikan dan dilindungi oleh undang-undang antarabangsa. Kalau mereka lakukan usaha ini, saya percaya kedudukan Hamas akan lebih kukuh. Mereka akan dapat

meyakinkan AS dan EU bahawa ini ialah gerakan yang harus diterima.

MINGGUAN: Akan tetapi bagaimanakah reaksi negara-negara Islam terhadap tekanan ini?

DR. CHANDRA: Sebahagian daripada kepimpinan negara-negara Islam memang kurang senang dengan Hamas. Akan tetapi selepas kemenangan Hamas dan tekanan yang dihadapinya sekarang, simpati terhadap Hamas telah meningkat termasuk dalam kalangan pemimpin yang dulu tidak senang dengan Hamas. Ada yang mula membantu secara terbuka dan senyap-senyap. Kedudukan Hamas lebih baik sekarang berbanding sebelum mereka berkuasa.

Akan tetapi dari segi rakyat, populariti Hamas sudah meningkat. Populariti ini bukan saja di negara-negara Islam malah sampai ke Amerika Latin dengan demonstrasi menyokong Hamas di Caracas baru-baru ini.

Dalam hal ini, OIC boleh atas dasar prinsip kemanusiaan meminta umat manusia menderma bukan kepada Hamas tetapi untuk rakyat Palestin. Kalau setiap seorang warga dunia boleh mendermakan AS\$1, tentunya akan memberikan dampak yang luar biasa kepada perjuangan rakyat Palestin.

Kalau OIC dapat melakukannya, cara ini secara tidak langsung akan memulihkan imejnya sendiri. OIC akan dilihat sebagai satu badan yang berdamping dengan rakyat, yang meyakinkan umat Islam khususnya bahawa OIC boleh dipercayai dan mempunyai tindakan. Jangan lupa kita pengerusi OIC sekarang. Ini soal rakyat yang menderita, keadaan yang tidak adil dan penindasan yang semakin berleluasa. Tidak banyak, hanya AS\$1 seorang.

MINGGUAN: Kurangnya reaksi dunia kepada tekanan yang dihadapi oleh rakyat Palestin sekarang tentunya sedikit sebanyak kerana imej Hamas itu sendiri.

DR. CHANDRA: Itulah sebabnya Hamas juga perlu membetulkan imej ini; proses ini sudah bermula dan berjaya. Akan tetapi kita juga harus mengingatkan warga AS dan Eropah bahawa isu yang ada di hadapan kita bukannya Hamas semata-mata.

Ini soal kesengsaraan rakyat Palestin yang hanya melaksanakan tanggungjawab demokratik mereka, memilih kerajaan melalui pilihan raya. Mereka hanya memperjuangkan hak yang telah dirampas oleh Israel. Mereka sekarang sedang dihukum dan ini ialah sesuatu yang sangat tidak adil.

Iran tidak akan membangunkan senjata nuklear.

MINGGUAN: Kenapakah Iran begitu ditentang?

DR. CHANDRA: Selain kedudukannya yang strategik terletak di antara Asia Barat dan Asia Tengah, hampir dua pertiga daripada minyak di rantau itu dikeluarkan melalui Selat Hormuz. Selain kedudukan strategik itu, minyak juga memainkan faktor penting. Iran merupakan pengeluar minyak keempat terbesar dalam senarai pengeluar utama dunia dan merupakan salah satu pelaku penting OPEC.

Iran juga penting dari segi politik rantau itu. Iran mempunyai hubungan yang rapat dengan China. Iran membekalkan hampir 15 peratus daripada keperluan minyak dan gas China. Hubungan ini tentunya menimbulkan kebimbangan AS kerana China merupakan satu-satunya kuasa ekonomi yang boleh mencabarnya. Sekiranya China dapat memastikan pembekalan minyak itu, pembangunan ekonominya akan menjadi lebih rancak dan ini sangat tidak disukai oleh AS.

Sikap AS terhadap Iran ini ada kaitannya dengan kedudukan China dan agendanya mahu terus menguasai dunia. Hal ini juga ada kaitannya dengan hubungan antara Iran dan Rusia dalam bidang sains nuklear dan ekonomi. Ada pihak tertentu yang berbincang sejak tahun 2002 tentang sesuatu yang dikatakan sebagai pakatan Iran-Rusia-China yang dilihat akan mencabar kedudukan AS.

Selain itu, kita perlu juga meneliti kemunculan kuasa politik golongan Syiah seperti yang boleh dilihat di Lebanon apabila Hizbullah berjaya mengalahkan Israel dan menjadi pelaku utama politik negara itu, di Bahrain selepas reformasi demokrasinya lima enam tahun lalu, di Afghanistan selepas kejatuhan Taliban dan tentunya, yang paling penting di Iraq.

Di Iraq, 60 peratus penduduknya ialah Syiah. Pada zaman Saddam Hussein mereka menjadi mangsa tetapi sekarang merekalah yang menentukan politik Iraq. Setiap pemimpin Syiah di Iraq dewasa ini ada hubungan dengan pemimpin Teheran. Sebagaimana yang disebut oleh Ali Larijani, perunding utama Iran mengenai isu nuklear, "Tidak kira sesiapa yang memimpin Iraq mereka ialah kawan-kawan kita."

Hal ini bermakna Iran ialah faktor penting dalam politik Iraq dewasa ini. Inilah juga yang dikatakan oleh seorang ahli sains politik AS bahawa perang di Iraq telah tamat dan pemenangnya ialah Iran. Iran mendapat keuntungan daripada perang di Iraq. Kejatuhan Saddam itu menguntungkan Iran.

MINGGUAN: Oleh sebab itu, Iran begitu ditekan?

DR. CHANDRA: Ya, memang. AS nampak percaturan politik di rantau itu sudah berubah. Iran muncul sebagai kuasa serantau dan mereka mahu menghancurkannya.

MINGGUAN: Orang melihat AS akan menyerang Iran. Akan tetapi kita diberitahu bahawa rancangan menyerang Iran ini sebenarnya sudah ada sebelum perang di Iraq lagi.

DR. CHANDRA: Ya, betul. Bekas penganalisis perisikan AS, William Arkin membongkar rancangan AS untuk menguasai Selat Hormuz itu dalam akhbar *The Washington Post*. Wartawan Seymour Hersh dalam *The New Yorker* juga menyatakan hal yang sama. Malah bekas Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon dalam satu interviu dengan *London Times* pada tahun 2002 sudah membayangkan hal ini. Hal ini bermakna mereka sudah merancang sejak dulu lagi. Sememangnya inilah rancangan mereka.

MINGGUAN: Apakah Iran akan diserang?

DR. CHANDRA: Kemungkinannya besar tetapi ada beberapa faktor yang harus diambil kira oleh AS. AS akan melihat kesannya ke atas masyarakat Syiah selain memikirkan tentang Rusia dan China. Setakat ini jelas sekiranya AS, Britain dan Perancis cuba mengenakan sekatan terhadap Iran, Rusia akan menggunakan kuasa vetonya. Pasti. Apatah lagi AS sudah campur

tangan dalam politik di beberapa buah negara bekas Soviet. Presiden Rusia, Vladimir Putin tentunya tidak mahu kalah dalam soal ini.

Selain itu, AS juga perlu mengambil kira pengalamannya di Iraq kerana begitu ramai tenteranya yang terkorban dan sekarang ini pengambilan anggota tentera barunya juga menurun sehingga 25 peratus. Bagaimanakah AS mahu berperang? AS tidak akan menyerang sasaran tertentu saja kerana matlamatnya adalah untuk menukar pemerintah. Bagi golongan yang mahu menguasai dunia ini, setiap negara itu harus ada pemimpin yang berpihak kepada mereka dan sanggup menjadi boneka. Inilah yang dilakukannya di serata dunia.

MINGGUAN: Apakah Iran akan betul-betul membangunkan kuasa nuklearnya?

DR. CHANDRA: Program ini sebenarnya dimulakan pada tahun 1957 oleh Shah Palavi dengan bantuan dan restu AS dan bukannya kerajaan selepas revolusi. Reaksi tentangan AS ini hanya timbul selepas tahun 1979, selepas revolusi.

Kita jangan lupa bahawa program nuklear Iran telah diperiksa lebih daripada 1 000 kali oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang menempatkan pemeriksa tetapnya di Iran. Saya berpendapat bahawa Iran tidak akan menghasilkan senjata nuklear; Iran mahu menggunakannya untuk tujuan keamanan. Akan tetapi mungkin Iran mahu memastikan ilmu dan teknologi itu ada dalam tangannya kerana Israel memiliki sekurang-kurangnya 200 *warheads*. Akan tetapi Israel tidak pernah diperiksa dan dipersoalkan oleh mana-mana pihak termasuk oleh IAEA. Israel itu istimewa. Itu sebabnya Iran dan negara-negara Asia Barat yang lain merasakan mereka harus menguasai teknologi itu sebagai satu perisai. †

MINGGUAN: Iran tidak akan membangunkan senjata nuklear?

DR. CHANDRA: Tidak. Hal ini penting untuk kita fahami. Para pemimpinnya telah mengeluarkan fatwa bahawa senjata

POLITIK PENGUASAAN DUNIA & Isu yang Selainnya

merupakan suatu usaha kecil untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan bacaan tentang persoalan-persoalan antarabangsa dalam pasaran tempatan. Antara persoalan antarabangsa yang penting dewasa ini ialah percubaan segelintir elit yang diketuai oleh kepimpinan politik Amerika Syarikat untuk menguasai dunia. Faktor-faktor yang menyebabkan politik penguasaan dunia ini, sifat politik penguasaan dunia, kesan-kesan daripada penguasaan ini, pendorong-pendorong politik penguasaan dan penentangan terhadap penguasaan politik elit Washington dan sekutu-sekutunya adalah antara isi kandungan buku ini. Isu-isu lain juga dibincangkan termasuk hubungan antara peradaban, khususnya Barat dengan Islam, cabaran terorisme serta peranan NGO Islam dalam pergerakan keamanan dunia.



ISBN 978-983-3718-31-3



ARAH PENDIDIKAN SDN BHD
www.arahpendidikan.com.my
enquiry@arahpendidikan.com.my

Harga: RM28.00

